

23 JAN 2003

PERDASAMA SOKONG KEPIMPINAN BARU UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 23 Jan (Bernama) -- Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) cawangan Kelantan menyokong kepimpinan baru Umno Kelantan dan berharap parti itu dapat merampas semula Kelantan daripada PAS dalam pilihan raya umum akan datang.

Yang Dipertuanya, Sulaiman Yaacob berkata ekonomi Kelantan perlu dibangunkan semula setelah PAS gagal membangunkan negeri itu.

Beliau berkata hanya Barisan Nasional yang ditunjangi Umno mampu mengubah keadaan di Kelantan.

"Perdasama berharap rakyat Kelantan dapat menerima semula Umno bagi membangunkan semula ekonomi Kelantan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sulaiman berkata persatuan itu telah mengutus surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan pelantikan pemimpin baru dalam Umno Kelantan.

Dalam perutusan itu, kata beliau, pihaknya turut mencadangkan cara mana rakyat Kelantan boleh menerima semula Umno dan menolak PAS pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA
ZI BD ZB